

Pegawai Fida di AS yakin Mahathir dapat kikis tulisan keliru

LOS ANGELES, Isnin — Pengarah FIDA bagi Kawasan Pantai Barat Amerika Utara, Encik Yaakub Arshad berkata, laporan-laporan yang terdapat dalam beberapa majalah perniagaan dan akhbar biasanya tidak memberi gambaran sebenar tentang keadaan politik dan pelaburan di Malaysia.

Bercakap di satu temuramah sebelum pembukaan seminar FIDA di bandaraya ini semalam, beliau menyangkal sama sekali berita-berita yang tidak benar yang dilaporkan mengenai masa depan dan suasana pelaburan Malaysia.

Menurutnya, wartawan sering mengaitkan jenayah dan kegiatan komunis di Asia Tenggara dan bukannya laporan-laporan tentang pembangunan ekonomi.

Ini menyebabkan bakal-bakal pelabur 'berasa khuatir' dan mereka yang telahpun melabur di Malaysia 'berjaga-jaga' dalam menimbang untuk meluas dan mempelbagaikan perusahaannya.

Encik Yaakub

berkata, penulis mengecam hebat Dasar Ekonomi Baru, Akta Penyelarasan Perindustrian, soal-soal perkauman dan meramalkan kegiatan komunis akan bergerak cergas semula.

Encik Yaakub berkata, kehadiran Timbalan Perdana Menteri, Dato Seri Dr. Mahathir Mohamad di seminar tersebut merupakan daya penggalak kepada usaha-usaha FIDA kerana beliau akan dapat mengadakan pertemuan individu dengan pelabur dan menerangkan keadaan sebenarnya untuk menghilangkan keraguan mereka.

Bersaing

Dr. Mahathir yang juga Menteri Perdagangan dan Perindustrian sering kali mengecam wartawan yang menyalahertikan dasar-dasar kerajaan, tegasnya.

Encik Yaakub yang beribupejabat di San Francisco menambah, bakal-bakal pelabur telah diberi jaminan bahawa mereka akan diberi peluang menemui Timbalan Perdana Menteri itu.

Mengenal usaha-usaha pelaburan, Encik Yaakub berkata, usaha-usaha itu patut

diperhebatkan lagi kerana kira-kira 90 negara lain bersaing untuk pelaburan Malaysia.

FIDA di negeri-negeri di pantai barat Amerika Utara sedang menumpukan perhatian kepada syarikat-syarikat sederhana dengan kemungkinan meluas dan mempelbagaikannya.

Encik Yaakub menegaskan, walaupun pengusaha dan pelabur Amerika terutama yang telah terlibat di Malaysia tidak meragukan kestabilan kewangan dan politik Malaysia, negara itu tidak pula boleh berpuas hati.

Kedaaan pelaburan, keseluruhannya, dari kawasan pantai barat ini semakin 'bertambah baik'.

Bagaimanapun, beliau tidak memberitahu butir-butir lanjut mengenai perkara itu.

Lebih 60 orang peserta dari rantau itu akan menghadiri seminar tersebut di mana Dr. Mahathir yang juga mengetuai Jawatankuasa Kabinet Mengenai Pelaburan, akan menyampaikan ucapan dasar.

Seramai 10 orang wartawan akan mengadakan dialog dengan Dr. Mahathir selepas seminar tersebut. — Bernama.